

Ekuinas bangunkan profesional berkualiber



"Penglibatan Ekuinas dalam Burger King khususnya telah sedikit sebanyak meningkatkan jumlah pengurus Bumiputera di dalam sektor perkhidmatan makanan dan minuman yang mempunyai prospek yang amat cerah. Pada suatu ketika, sektor ini tidak dilihat sebagai suatu laluan kerjaya yang menarik. Namun demikian, usaha Ekuinas telah mengubah persepsi tersebut dan bilangan Bumiputera yang menceburkan diri dalam sektor ini kian menggalakkan."

AHMAD FARIZ HASSAN
Ketua Pegawai Operasi
Burger King Malaysia



"Pemerkasaan masyarakat Bumiputera dalam bidang pengurusan dan perniagaan adalah usaha jangka panjang yang perlu diberi tumpuan khusus. Justeru, saya memuji serta menyokong inisiatif Kerajaan melalui Ekuinas dalam mewujudkan anjakan paradigma yang dirasakan semakin memperlihatkan hasil yang positif."

MOHAMAD KAMAL NAWAWI
Timbalan Naib Canselor
Asia Pacific University of
Technology and Innovation

EKUITI Nasional Berhad atau Ekuinas ditubuhkan pada 1 September 2009 dengan **DUA OBJEKTIF** iaitu objektif kewangan dan sosial. Untuk objektif kewangan, Ekuinas menyasarkan kadar pulangan dalaman (IRR) minimum 12 peratus setahun dan sasaran IRR Aspirasi 20 peratus setahun bagi keseluruhan portfolionya. Dalam melaksanakan objektif sosialnya, Ekuinas menggalak dan meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam empat dimensi iaitu meningkatkan pemilikan ekuiti korporat, menambah bilangan pengurusan dan usahawan berkualiber, meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor utama dan menambahbaik rantaian bekalan.

Kedua-dua objektif di atas ini dicapai melalui **DUA KADEAH PELABURAN** iaitu secara langsung dan melalui program penyumberan luar. Dalam pelaburan secara langsung, Ekuinas membuat penilaian ke atas cadangan pelaburan dan membuat pelaburan itu secara langsung manakala melalui program penyumberan luar, Ekuinas melantik pihak ketiga untuk membuat pelaburan bagi pihaknya.

Dalam melaksanakan pelaburan, Ekuinas memberikan tumpuan kepada **DUA KUMPULAN SASARAN** iaitu golongan usahawan dan juga pengurus profesional Bumiputera, di mana Ekuinas menyediakan modal risiko dan kemahiran profesional kepada setiap pelaburan yang dilaksanakan.

Dalam usahanya menyokong golongan usahawan Bumiputera, Ekuinas telah membuat pelaburan dalam Icon Offshore yang diasaskan oleh Dr. Jamal Yusof, Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT) yang dibangunkan oleh Datuk Idrus Satha dan San Francisco Coffee yang dimiliki oleh Datuk Rahim Zin.

Manakala bagi menyokong kumpulan profesional Bumiputera pula, antara contoh-contohnya ialah Wan Ahmad Saifuddin Wan Ahmad Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) UNITAR International University, Ahmad Fariz Hassan, Ketua Pegawai Operasi Burger King Malaysia dan Hizwani Hassan, CEO KLMUC dan CICT.

Profesional lain termasuklah Zaleha Abdul Hamid, Ketua Pegawai Kewangan Icon Offshore, Mohamad Kamal Nawawi, Timbalan Naib Canselor Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU) dan juga Mohd Helmy Norman, Ketua Pegawai Kewangan APU.

Ekuinas sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian, menetapkan tempoh pelaburan antara tiga hingga lima tahun dengan kehadiran di peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO).

Pihak pengurusan Ekuinas berganding bahu bersama-sama pihak pengurusan syarikat berkenaan untuk memastikan syarikat pelaburan berupaya mendapatkan hasil atau impak yang positif sepanjang tempoh pelaburan.

Pada masa yang sama, Ekuinas sentiasa memastikan syarikat-syarikat pelaburannya berkembang dan mara ke peringkat lebih tinggi selaras dengan harapannya supaya syarikat-syarikat pelaburan ini mampu mencapai kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa dan serantau, dan seterusnya menjadi peneraju pasaran.



"Peranan Ekuinas dalam memperluas dan membangunkan kumpulan pelapis pengurus Bumiputera bagi menerajui syarikat-syarikat terkemuka Malaysia boleh dibanggakan. Oleh itu, usaha kami di UNITAR International University boleh dilihat sebagai menyokong peranan tersebut di mana kami melahirkan graduan-graduan berkualiti, yang terdiri daripada generasi pemikir serta berpengetahuan bagi mengisi keperluan alam pekerjaan."

WAN AHMAD SAIFUDDIN WAN AHMAD RADZI
Ketua Pegawai Eksekutif
UNITAR International University



"Sektor Minyak & Gas negara adalah sektor yang pesat membangun, didorong oleh pelaksanaan program belanjawan PETRONAS yang bernilai RM300 bilion bagi tahun 2012 sehingga 2016 untuk memaju serta membangunkan lagi sektor tersebut. Sehubungan itu, inisiatif Ekuinas mampu melahirkan generasi pengurus Bumiputera yang berdaya maju dan mampu dalam memenuhi keperluan sektor ini seiring dengan perkembangannya."

ZALEHA ABDUL HAMID
Ketua Pegawai Kewangan
Icon Offshore Berhad



"Pihak Kerajaan melalui peringkat dasar telah mewujudkan pelbagai inisiatif khusus bagi membangunkan modal insan Bumiputera. Pelbagai usaha telah diambil dan telah membawa hasil yang positif. Agensi-agensi Kerajaan memainkan peranan utama untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif ini bagi merealisasikan apa yang telah digubal secara dari peringkat dasar. Ekuinas merupakan salah satu daripada agensi tersebut yang memainkan peranan penting dalam memangkin dan mengukuhkan usaha Kerajaan bagi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju di masa akan datang. InsyaAllah."

HIZWANI HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif
KLMUC dan CICT



"Ekuinas memainkan peranan yang amat kritikal dalam membentuk kumpulan pelapis Bumiputera bagi mengurus serta memimpin syarikat-syarikat Malaysia menjadi syarikat-syarikat terkemuka. Golongan Bumiputera kini kian tampil menyerlah, merealisasikan impian Kerajaan untuk melahirkan generasi Bumiputera yang berdaya saing."

MOHD HELMY NORMAN
Ketua Pegawai Kewangan
Asia Pacific University of
Technology and Innovation